



Anwar menjawab soalan berkaitan kerajaan dan isu semasa pada sidang media di Subang, semalam.

(Foto BERNAMA)

Anwar puas hati prestasi menteri dalam dua tahun

PM tegaskan tidak berkompromi dengan kes salah guna kuasa anggota Kabinet

Oleh Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Subang: Datuk Seri Anwar Ibrahim berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh semua menteri dalam tempoh dua tahun pentadbiran Kerajaan MADANI tetapi menegaskan masih ada ruang untuk memperbaiki bagi meningkatkan khidmatnya kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata dalam tempoh itu, beliau melihat ada prestasi menteri yang cemerlang dan sederhana, termasuk di-

rinya sendiri.

“Tapi saya puas hati satu perkara, walaupun orang bangkit soal rasuah, kes ini, kes itu, yang penting sejak dua tahun ini saya tak izinkan amalan lama (dilakukan, seperti) rundingan terus, curi komisen...itu saya hentikan,” katanya.

Beliau berkata, Kerajaan MADANI juga mementingkan aspek pengurusan ekonomi khususnya dalam membantu kelompok sasar selain isu tatakelola dan membanteras rasuah.

“Ia memerlukan usaha yang tinggi untuk meletakkan agenda ekonomi pada situasi sekarang,” katanya pada sidang media semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Datuk Mohamad Fauzi Md Isa.

Perdana Menteri menegaskan, beliau juga tidak berkompromi dengan sebarang kes salah guna kuasa dalam kalangan anggota Kabinet.

“Ia bukan sahaja soal menteri,

namun juga pegawai dan ke bawah, soal tatakelola dan pengurusan yang cermat ada kes lama yang boleh diselesaikan dan ada sebahagian belum selesai.

“Dua tahun lalu, ada kes Perdana Menteri mengambil dana untuk kepentingan peribadi dan keluarga.

“Kepentingan syarikat berbilion-bilion, kalau kita kekang dan perlu diperbaiki, langkah itu kita ambil,” katanya.

Anwar juga berkata pihaknya perlu menghormati proses undang-undang walaupun beliau mengakui wujudnya aspek penguatkuasaannya yang agak perlahan dalam kes tertentu.

Katanya, beliau turut membiarkan badan kehakiman kekal bebas, walaupun ada keputusan dalam kes tertentu yang beliau sendiri tidak bersetuju dengannya.

“Tapi proses ini kita perlu hormati, kalau kebebasan badan ke-

hakiman, itu bebas, kita setuju atau tidak setuju itu soal lain. Apakah saudara ingat saya setuju semua? Tidak, tetapi kita perlu hormat,” katanya.

Mengenai penilaian beberapa badan bukan kerajaan (NGO) terhadap Kerajaan MADANI sebelum ini, Perdana Menteri berkata, pihaknya terbuka, namun ada urusan prestasi yang dilakukan adalah sangat terbatas.

Mengambil contoh penilaian dibuat Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, ia tidak mengambilkira aspek rasuah, tatakelola dan pengurusan ekonomi yang lebih penting untuk dilihat.

Beliau berkata, agenda reformasi tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh setahun atau dua tahun namun usaha itu sedang dilaksanakan kerajaan khusus dalam beberapa aspek termasuk pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya.